

CNS4106

U GB 30-08 00211 BA408

bah

Embargo: Untuk siaran selepas 9 malam ini, 30 Ogos

PM AJAK RAKYAT MENGORAK LANGKAH MAJUKAN NEGARA

Mahathir - Kebangsaan

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat mengorak langkah mulai sekarang bagi mewujudkan sebuah negara Malaysia yang maju, bebas daripada pergantungan kepada belas kasihan orang lain dan sentiasa dihormati.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara yang telah merdeka selama 35 tahun, Malaysia perlu menjaga maruah dan kedaulatannya kerana negara yang miskin bukan saja membebankan rakyatnya, bahkan kurang dihormati, tidak berupaya bertindak dengan bebas dan tidak mampu mempertahankan perkara yang benar.

+Jika kita tidak mengorak langkah ke hadapan mulai sekarang, kita akan kekal sebagai negara miskin, dan jika ini berlaku keadaan yang malang yang kini menimpa beberapa negara, akan turut menimpa negara ini,+ katanya dalam perutusan Hari Kebangsaan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Katanya, walaupun negara telah mencapai banyak kemajuan dan kejayaan, rakyat mestilah terus berhati-hati dan berusaha bersungguh-sungguh bagi meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara maju, selaras dengan hasrat yang ingin dicapai menerusi Wawasan 2020.

Beliau berkata, jalan yang hendak ditujui oleh rakyat Malaysia menjelang tahun 2020 pasti tidak mudah dan akan dipenuhi dengan pelbagai cabaran dan rintangan. -- Lagi

▼30/08/18-10MST

CNS4107

U GB 30-08 00180 BA409

bah

Mahathir - Kebangsaan 2 Kuala Lumpur

+Namun demikian kita harus yakinkan diri akan kemampuan kita mencapai matlamat wawasan itu kerana sejak Merdeka, kita telah dapat mengatasi banyak masalah dan rintangan, dan kita berjaya menguasai berbagai-bagai ilmu dan kecekapan yang dulu tidak ada pada kita,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, untuk mencapai matlamat itu, negara perlu mengekalkan kestabilan politik, perpaduan dan kemajuan ekonomi yang terdapat sekarang.

+Kita semua hendaklah terus meningkatkan kerjasama dan perpaduan sambil sentiasa berwaspada terhadap pihak-pihak yang cuba merosakkan perpaduan kaum.

+Saya yakin rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kestabilan serta inginkan kemajuan tidak akan membuat apa-apa yang boleh mengancam dan merosakkan keharmonian yang kita nikmati sekarang,+ kata Dr Mahathir.

Menurut beliau, berkat kerajinan, disiplin dan hormat-menghormati, Malaysia telah mencapai mercu kejayaan dan kecemerlangan walaupun ketika mencapai kemerdekaan dulu banyak pihak yang meramalkan kehancurannya kerana penduduknya yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan.

+Kini Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa penduduk yang berbeza kaum tidak menghalang sesebuah negara itu mencapai kemajuan dan kejayaan,+ katanya. -- Lagi

▼30/08/18-11MST

CNS4108

U GB 30-08 00181 BA410

bah

Mahathir - Kebangsaan 3 Kuala Lumpur

Malaysia, kata Perdana Menteri, kini ialah antara sebilangan kecil negara di dunia yang terus aman, stabil dan makmur dengan rakyatnya yang berbilang kaum itu dapat hidup bersatu, bersefahaman, saling hormat dan berharmoni.

+Kita tidak menghadapi masalah persengketaan kaum atau agama seperti yang berlaku di sesetengah negara yang menyebabkan banyak nyawa terkorban dan harta benda musnah.

+Kita juga tidak menghadapi kebuluran, penindasan dan peperangan. Keadaan ini telah membolehkan kita semua menjalankan urusan harian, termasuk ibadat, dalam keadaan tenang dan tenteram tanpa gangguan,+ kata beliau.

Dr Mahathir berkata, di samping kestabilan politik, ekonomi Malaysia terus mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi yang sekali gus menurunkan kadar pengangguran ke paras yang amat rendah, menstabilkan harga barangan, mengurangkan kemiskinan dan mendatangkan hasil yang mencukupi kepada kerajaan untuk terus melaksanakan pembangunan infrastruktur untuk rakyat dan keperluan industri yang pesat membangun.

Rakyat Malaysia, katanya, boleh berbangga kerana mempunyai mutu pendidikan yang tinggi dan jentera pentadbiran yang cekap yang sensitif terhadap kepentingan rakyat serta setanding dengan negara-negara maju. --
Lagi

▼30/08/18-12MST

CNS4110

U GB 30-08 00109 BA411

bah

Mahathir - Kebangsaan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata, perayaan Hari Kebangsaan pada kali ini yang bertemakan +Wawasan Asas Kemajuan+ memberi peluang kepada rakyat merenung kembali sejarah perjuangan negara menuntut kemerdekaan daripada penjajah.

+Dengan mengingati dan memahami sejarah perjuangan rakyat dan negara, kita, terutama yang lahir selepas Merdeka, akan lebih menghargai erti kemerdekaan dan menyedarkan kita akan betapa pentingnya hidup bebas daripada belenggu penjajahan,+ katanya.

Beliau berkata, seperti pemimpin-pemimpin terdahulu yang mempunyai wawasan untuk membebaskan negara daripada penjajahan, wawasan kini (Wawasan 2020) dibentuk untuk membawa negara menuju ke suatu tahap kemajuan yang lebih tinggi. -- Bernama

▼30/08/18-12MST